

# **UCAPAN**

**YAB TUAN HAJI AMINUDDIN BIN HARUN  
MENTERI BESAR  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**SEMPENA  
PERHIMPUNAN PENTADBIRAN KERAJAAN  
NEGERI SEMBILAN  
TAHUN 2019**

**TEMPAT : PERKARANGAN DUN, WISMA NEGERI  
PADA : 07 JANUARI 2019 (ISNIN)  
MASA : 08.00 PAGI**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Bersih, Muafakat, Sejahtera.**

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia serta keizinanNya dapat kita semua hadir dan berkumpul di pagi indah ini, bersempena dengan **Perhimpunan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus 2019.**
2. Pertama sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YB Setiausaha Kerajaan Negeri dan anggota Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, yang mengundang saya, untuk menyampaikan amanat kepada penjawat awam seawal 7 hari bermulanya tahun 2019. Saya yakin dan percaya dengan tahun baru, semangat dan iltizam warga kerja Negeri Sembilan juga baru.
3. Sesungguhnya, komitmen semua agensi strategik yang turut terlibat dalam menjayakan majlis pada pagi ini serta semua pihak dalam menyokong usaha-usaha memperkasa penyampaian dan gerak kerja Kerajaan Negeri amat dihargai.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

- 4. Allah, Tuhan yang merupakan Tuan Punya ke atas negeri ini dan Pemilik ke atas kita semua berpesan dalam surah An-Nisa' ayat 58 yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat"**
5. Kami sedar walaupun kami dipilih oleh rakyat, namun hakikatnya, Allah lah yang telah mengamanahkan pemerintahan negeri ini kepada kami Kerajaan Pakatan Harapan. Amanah ialah istilah bahasa Arab yang bermakna kepercayaan. Ini bermakna Allah telah memberi kepercayaan kepada kami untuk menjaga dan membangunkan negeri ini.
6. Begitu juga dengan anda semua, sebagai anggota penjawat awam. Hakikatnya, anda semua telah diamanahkan serta ditugaskan oleh Allah sebagai penjawat awam untuk membangunkan negeri ini dan memberi perkhidmatan yang terbaik kepada semua rakyat tanpa mengira bangsa dan agama.
7. Jadi kita semua adalah petugas-petugas, orang-orang kepercayaan Allah, yang perlu menjalankan tugas dan tanggungjawab kerana-Nya.

Mengabaikan tugas dan tanggungjawab bermakna mengabaikan dan mengkhianati kepercayaan Allah. Na'uzubillah min zalik.

8. **Abraham Lincoln** mensifatkan demokrasi sebagai kerajaan rakyat, oleh rakyat dan untuk rakyat. Namun kita sedar, Allah yang menguasai dan menggerakkan hati rakyat untuk memilih. Majikan tertinggi kita ialah Allah yang menyediakan segala keperluan makhluk-Nya. Dia Maha Kaya, Maha Pengasih lagi Maha Penyayang dan Dialah yang telah mengamanahkan kita dengan tugas dan tanggungjawab.
9. Daripada rakyat untuk rakyat. Ungkapan ini merupakan asas yang menjadi tanggungjawab kepada Kerajaan bagi memastikan hasil ekonomi yang diperolehi Kerajaan dikembalikan untuk kesejahteraan rakyat selari dengan aspirasi Belanjawan 2019 iaitu Memperkayakan Hasil, Memakmurkan Kekayaan.

**Hadirin yang dirahmati sekalian,**

10. Rakyat dan orang ramai merupakan pelanggan kita dan sekali gus mereka juga **stake holder** yang akan menilai usaha dan kerja kita. Kerana itu, kita perlu berkhidmat dan berbakti kepada mereka dengan profesional, cekap, cepat, amanah dan berkualiti. Mereka berhak untuk mendapatkan perkhidmatan yang terbaik daripada kita.

11. Abdul Kalam, bekas presiden India pernah berkata, **'love your job but don't love your company because you may not know when your company stops loving you'**. Bermaksud, sayangi kerja anda tetapi tidak perlu menyayangi syarikat anda, kerana anda tidak tahu bila syarikat anda berhenti menyayangi anda. Namun kita sebagai penjawat awam bukan sahaja perlu menyayangi kerja yang diamanahkan, bahkan kita perlu menyayangi jabatan atau institusi tempat kerja kita, kerana kerja dan jabatan itu merupakan hadiah dan kurnia Allah kepada kita. Kita juga perlu menyayangi negeri dan negara yang di kurniakan oleh Allah kepada kita.
  
12. Buktikan sayang anda kepada negeri ini dengan berusaha dan bekerja bersungguh-sungguh, memberi perkhidmatan yang terbaik. Berusaha memperkaya hasil negeri dan memakmurkan negeri ini dengan hasil yang kita dapat.
  
13. Kita yakin, sekiranya kita benar-benar boleh menzahir dan menterjemahkan rasa syukur dengan memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat, Allah akan berkati usaha kita dan Allah akan tambah kejayaan dan cemerlangan kepada kita semua. Hidup rakyat negeri ini akan lebih sejahtera dan lebih makmur.

## **Hadirin yang dikasihi sekalian,**

14. Dalam Belanjawan 2019 Kerajaan Negeri Sembilan kali ini, anda semua akan mendapat sebulan gaji atau minimum RM2,000 sebagai bonus atau bantuan khas kewangan.
15. Kita dapat lihat dan rasakan dengan bayaran bonus ini, kita semua akan bekerja dengan lebih rajin, lebih gigih, lebih bersemangat, lebih kreatif, lebih produktif, lebih inovatif, lebih berintegriti, lebih berdisiplin, sentiasa bersikap berusaha meningkatkan prestasi, sayang dan bangga dengan tugas yang diamanahkan.
16. Bonus yang anda terima merupakan manifestasi ganjaran kecil kecemerlangan yang anda telah kerjakan selama ini, namun dalam masa yang sama yakinlah anda juga akan menerima bonus dan ganjaran yang lebih hebat dan lebih membahagiakan daripada Pemilik alam semesta iaitu daripada Allah sekiranya anda berkhidmat dan berbakti dengan ikhlas.
17. Kerana itu, kita berharap anda terus komited mengekalkan budaya kerja dan perkhidmatan yang cemerlang sebagai bukti menzahirkan rasa kasih dan sayang ke atas Negeri Sembilan yang merupakan hadiah yang dikurniakan oleh Tuhan untuk kita semua.

## **Hadirin Yang Budiman,**

18. Penjawat Awam di Negeri Sembilan perlu komited untuk melakukan anjakan paradigma untuk kemajuan negeri dan kerjaya tuan-tuan dan puan-puan. Saya yakin dengan adanya daya saing yang sihat yang ditunjukkan oleh semua, perkhidmatan awam di negeri ini akan menjadi contoh perkhidmatan awam terbaik dalam negara ini.

19. Saya yakin dan percaya, penjawat awam di Negeri Sembilan kreatif melipatgandakan hasil di negeri bertuah ini. Pada tahun 2019, saya mahu penjawat awam meningkatkan usaha Memperkaya Hasil, Memakmurkan Kekayaan melalui lima (5) strategi berikut:

**(i) Menangani dan membanteras masalah jenayah dan gejala sosial**

**DYMM Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir** ketika bertitah semasa Majlis Pentaulihan Ahli-ahli Institusi Pentadbiran dan Perundangan Negeri Sembilan pada 22 Disember 2018 yang lalu, melahirkan rasa dukacita Baginda berhubung penglibatan rakyat negeri ini dalam kes penyalahgunaan dadah, aktiviti lumba haram, sumbang mahram dan kejadian rogol.

Sehubungan itu, saya berharap selain daripada pihak berkuasa seperti polis dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), kumpulan pendidik, ahli jawatankuasa masjid

dan surau serta Ahli Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) juga dapat memainkan peranan lebih proaktif bagi menangani masalah ini.

**(ii) Menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan**

Dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai termasuk pihak swasta seperti pemaju dan peniaga, saya mahukan semua agensi kerajaan memberikan perkhidmatan yang telus dan cepat. Jika ada proses yang boleh melambatkan sesuatu permohonan, prosedur tersebut perlulah dikaji semula. Dalam dunia yang serba canggih ini, sekiranya kita lambat membuat keputusan, kelewatan tersebut boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi negeri.

**(iii) Meningkatkan hasil dan aktiviti ekonomi baru**

Jabatan dan Agensi Pemungut Hasil perlu memainkan peranan yang lebih efektif dalam menguatkuasakan peraturan, sekaligus mendidik masyarakat berkenaan tanggungjawab sebagai pengguna perkhidmatan dan pembayar cukai. Saya mahukan peratusan tunggakan cukai di setiap daerah dikurangkan. Oleh itu, strategi dan pelan tindakan perlu dilaksanakan oleh setiap agensi berkaitan bagi mengatasi masalah tunggakan cukai. Selain kutipan hasil, saya juga mahukan aktiviti ekonomi dipertingkatkan. Setiap daerah di negeri ini ada keistimewaan masing-masing.



Kerajaan Negeri melalui Pembentangan Belanjawan 2019 telah bersedia memfokuskan kawasan Negeri Sembilan Timur iaitu Jelevu, Kuala Pilah dan Jempol sebagai lembah pertanian negeri. Negeri Sembilan juga unik dengan adat resam, keindahan pantai dan kedamaian hutan tropika yang menghijau menjadikan Negeri Sembilan sebagai destinasi terbaik pelancong yang inginkan belaian alam semula jadi. Sama-samalah kita berfikir secara kreatif merancakkan ekonomi masyarakat setempat di Negeri Sembilan dengan kelebihan yang telah dianugerahkan Allah.

#### **(iv) Meningkatkan taraf hidup rakyat**

Taraf hidup rakyat terutama yang miskin dan miskin tegar perlu ditingkatkan. Harapan Kerajaan Negeri agar Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) mahupun Jawatankuasa Masjid dan Surau di negeri ini dapat bertindak sebagai mata dan telinga serta pelaksana untuk mengenal pasti mereka untuk melaksanakan program bagi membantu mereka keluar daripada garis kemiskinan.

#### **(v) Mengindah Negeri Sembilan melalui infrastruktur dan landskap**

Kemudahan infrastruktur perlu diselenggara dengan baik pada setiap masa. Begitu juga dengan landskap di seluruh Negeri Sembilan perlu dipertingkatkan agar negeri ini menarik dan indah. Infrastruktur dan landskap

kawasan-kawasan strategik perlukan dipertingkatkan. Setiap daerah juga mempunyai kawasan rekreasi yang menarik yang perlu dijaga. Amalkanlah budaya mengekalkan keindahan agar kos penyelenggaraan infrastruktur dapat diminimumkan.

### **Hadirin yang dihormati sekalian**

20. Suka saya mengingatkan semua penjawat awam dalam melaksanakan tugas dan juga ingin mencapai strategi, kita semua hendaklah mengamalkan prinsip Bersih dalam konteks pentadbiran kewangan dan ekonomi di negeri ini. Rancang dan laksanakanlah pengurusan kewangan dan pembangunan ekonomi negeri dengan rasa penuh tanggungjawab kepada Allah, amanah dan berintegriti. Bebaskanlah diri daripada apa jua unsur penyelewengan, salah guna kuasa, ketirisan dan rasuah.
  
21. Amanah yang diletakkan di bahu kita semua bersifat inklusif dan meliputi segenap lapisan masyarakat yang memerlukan pembelaan dan dukungan daripada Kerajaan. Sama-samalah penjawat awam di negeri ini berganding bahu dengan Kerajaan yang ada untuk menunaikan amanah yang ada.

22. Bak kata perbidalan orang Negeri Sembilan yang berbunyi :

**Rundingan jangan selisih,  
Muafakat jangan bercanggah,  
Tuah pada sekata,  
Berani pada seia,  
Bulat air kerana pembetung,  
Bulat manusia kerana muafakat.**

**Hadirin, Hadirat yang dikasihi sekalian,**

23. Sukacita saya ingin mengumumkan, pada hari ini Kerajaan Negeri akan mengumumkan penerima **Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun Kewangan 2017** bagi Agensi dan Jabatan Negeri Sembilan.

24. Seperti mana kita semua sedia maklum, **Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti** adalah satu pengiktirafan bagi menghargai Agensi dan Jabatan Negeri Sembilan yang telah menunjukkan prestasi pengurusan kewangan yang cemerlang dengan menepati syarat-syarat yang ditetapkan; khususnya bahagian perolehan, kutipan hasil, pengurusan belanjawan dan pengurusan aset.

25. Kepada Agensi dan Jabatan Negeri Sembilan yang tidak terpilih, jangan putus asa sebaliknya tingkatkan motivasi dalam melaksanakan

tanggungjawab dengan lebih baik, mematuhi tatacara kewangan yang ditetapkan termasuk urusan dokumentasi dan pelaksanaan.

26. **Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti** adalah suatu inisiatif Kerajaan untuk menggalakkan Agensi dan Jabatan Negeri Sembilan agar terus cemerlang dalam aspek pengurusan kewangan khususnya.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi sekalian,**

27. Sekali saya merakamkan penghargaan dan terima kasih atas jemputan untuk saya hadir pada hari ini. Saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada warga penganjur atas usaha dan komitmen tinggi yang dipamerkan dalam menjayakan majlis ini. Moga kerjasama yang terjalin ini dapat diteruskan dan dieratkan lagi dalam usaha memacu pembangunan negeri serta mewujudkan persekitaran hidup yang berkualiti dan mampan selaras pegangan kata kunci Bersih, Muafakat dan Sejahtera.

28. Ayuh sama-sama kita laksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh keikhlasan, keghairahan dan kasih sayang kepada masyarakat. Mohon Allah sentiasa menghiasi hati kita semua dengan bimbingan dan tunjuk ajar-Nya.

29. Akhir kata saya dengan rasa kesyukuran merakamkan ucapan setinggi penghargaan dan tahniah kepada Agensi dan Jabatan Negeri Sembilan yang akan menerima **Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun Kewangan 2017** sebentar lagi.

30. Maka, dengan lafaz Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh saya akhiri ucapan saya pada pagi ini.

**Sekian, terima kasih.**

**Salam Bersih, Muafakat, Sejahtera.**